

PERANAN TEKNO DAIE DALAM BERDAKWAH DI ERA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

EARNIE ELMIE BINTI HILMI
PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
088-320000 EXT 5312
FAX: 088-435708
EMAIL:earnie@ums.edu.my

Masyarakat pada zaman sekarang tidak dapat dipisahkan dengan teknologi komunikasi maklumat (ICT), termasuklah di Malaysia. Masing-masing asyik dengan gajet di tangan tidak mengira masa, tempat dan acara. Sehingakan fenomena ini menjadi slot iklan di radio HotFM dan juga dalam satu iklan di televisyen. Dunia tanpa sempadan, dunia hanya di jari. Pada zaman sekarang hampir semua masyarakat memiliki telefon pintar. Aplikasi seperti instagram, viber, line, WhatssApp, kakao talk, weChat, telegram menjadi pilihan masyarakat untuk berhubung antara satu sama lain. Rangkaian televisyen dan radio juga mudah diakses di mana-mana sahaja. Sehingakan satu-satu peristiwa menjadi viral di facebook dan juga di aplikasi yang lain. Peranan seorang tekno daie sangat mencabar dengan pelbagai aplikasi gajet pada masa kini, walaubagaimanapun tugas seorang tekno daie tidak harus terhenti. Tekno daie harus memainkan peranan penting dalam mendakwah masyarakat ketika menggunakan teknologi komunikasi maklumat. Kertas kerja ini akan menyoroti peranan tekno daie dalam berdakwah di era ICT melalui kajian kepustakaan.

PENGENALAN

Masyarakat zaman sekarang memang sinonim dengan penggunaan Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kehidupan mereka. Facebook, twitter, telegram, instagram, whatsapp dan lain-lain menjadi alat perhubungan semasa. Siaran televisyen, radio dan video-video juga senang diakses pada bila-bila masa kerana aplikasi-aplikasi ini terdapat dalam telefon pintar, menjadikan perhubungan hanya di hujung jari. Maklumat disebarkan dengan begitu cepat, dalam beberapa saat ia disebarkan dan boleh menjadi viral di alam maya. Kekadang, soal agama, nilai, budaya dan sebagainya diketepikan dalam menggunakan ICT ini. Kongsi (*share*) status dilakukan tanpa menilai dan mengkaji sama ada gambar atau perkara tersebut benar atau palsu sehinggakan ianya menjadi fitnah. Komen juga dilontarkan tanpa rasa bersalah kepada satu-satu status, gambar dan lain-lain. Trend begini amat membimbangkan, terutamanya ianya dilakukan oleh umat Islam. Yang lebih membimbangkan lagi ialah fitnah yang dilakukan dengan melakukan photoshop ke atas gambar-gambar dan juga mengeluarkan satu-satu kenyataan dan mengatakan kenyataan ini adalah daripada individu itu sedangkan bukan. Inilah fitnah akhir zaman yang berlaku sekarang. Teknologi ICT disalahgunakan.

Teknologi ICT bukan sahaja mempunyai kesan-kesan yang negatif tetapi juga positif yang seharusnya pendakwah menggunakannya untuk berdakwah kepada masyarakat. Pendakwah harus memainkan peranan dalam mendakwah pengguna terutamanya muslim yang menggunakan ICT. Pendakwah yang menggunakan teknologi termasuklah ICT untuk berdakwah dikenali dengan tekno daie. Tekno daie memainkan peranan yang besar dalam berdakwah kepada para pengguna ICT sebagaimana pendapat Norkumala iaitu: "Oleh itu, manfaat daripada perkembangan teknologi perlu digunakan dalam usaha teknodaie mendekati masyarakat teknosentrik pada masa kini yang mengharapkan natijah akhirnya adalah pembangunan jiwa ummah. Yang penting, penggunaan teknologi perlu secara seimbang dan bijaksana".

Kertas kerja ini akan menyoroti peranan tekno daie dalam berdakwah di era ICT. Peranan-peranan ini akan dikupas berdasarkan situasi semasa yang berlaku. Sebelum peranan tekno daie dikupas, terlebih dahulu istilah tekno daie dan teknologi maklumat dan komunikasi diterangkan dengan lebih lanjut.

TEKNO DAIE

Tekno daie adalah istilah baru dan tidak ada dalam *Kamus Dewan* (edisi keempat). Menurut Wan Adli Wan Ramli dan Muhammad Kamil Hj. Ab. Majid (2006), istilah tekno daie berasal daripada dua suku kata. Pertama, daripada perkataan Inggeris *techno* yang bererti berkaitan dengan sains gunaan dan kedua daripada perkataan arab *da'i* yang bererti pendakwah. Secara umumnya, ia boleh difahami sebagai pendakwah yang menggunakan ilmu dan kemahiran teknologi. Pengenalan istilah ini sama dengan pengenalan istilah teknokrat yang bererti pakar teknikal yang mahir dalam bidang teknologi.

Manakala menurut menurut Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dalam temuramah bersama Utusan (3 November 2009), istilah ini tidak semestinya merujuk kepada individu yang mempunyai pengetahuan agama dan pengetahuan teknologi. 'Tekno daie' perlu dilihat sebagai satu gerakan berjemaah dengan ahlinya terdiri daripada mereka yang berpengetahuan dalam bidang agama sebagai *content provider* dan berpengetahuan dalam

bidang teknikal sebagai *technology enabler*. Dengan kata lain, 'teknodaie' sebenarnya terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang berbeza tetapi bermatlamat sama iaitu ingin menegakkan syiar Islam yang mengajak manusia ke arah kebenaran.

Menurut beliau juga istilah tekno daie diperkenalkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menerusi beberapa bengkel dan seminar yang dianjurkan sejak tahun 1990-an lagi.

Dua konsep yang terkandung dalam istilah baru ini, iaitu teknologi dan dakwah perlu difahami secara umum dan meluas. Pertamanya teknologi yang merangkumi apa sahaja peralatan dan kemudahan yang terhasil dengan perkembangan ilmu sains. Di sini perlu difahami bahawa, walaupun teknologi merangkumi perkara yang luas, tetapi dalam dunia tanpa sempadan ini, apa yang dimaksudkan dengan teknologi secara khusus adalah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (*informations and communications technology, ICT*). Contohnya komputer, dan aplikasi berkomputer seperti pembantu peribadi (*personal digital assistant, PDA*), rangkaian satelit dan palikasinya seperti internet, telefon tangan dengan pelbagai kemudahannya seperti SMS dan MMS, televisyen, radio dan termasuklah hasil teknologi percetakan seperti akhbar, majalah dan buku.

Keduanya ialah dakwah yang merangkumi usaha menyeru ke arah kebaikan. Ia juga merangkumi usaha memahamkan manusia seluruhnya terhadap tasawur Islam sebenar. Di sini perlu difahami bahawa dakwah terdiri daripada empat rukun, iaitu pendakwah, sasaran, isi atau bahan dakwah dan metode serta saluran dakwah (Wan Adli Wan Ramli dan Muhammad Kamil Hj. Ab. Majid 2006: 40).

APA ITU TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI?

Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2005), teknologi maklumat dan komunikasi bermaksud teknologi yang berkaitan dengan pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan dan penyebaran maklumat melalui penggunaan teknologi komputer dan telekomunikasi.

Manakala dalam buku *Memahami Islam melalui teknologi maklumat dan komunikasi* (2000) memberikan maksud Teknologi maklumat dan komunikasi ialah gabungan dari teknologi maklumat dan teknologi komunikasi. ICT menggabungkan dan menyepadukan telekomunikasi dan pengkomputeran, bersama-sama dengan bahagian-bahagian utama elektronik pengguna dan penyiaran.

Jadi, sebagai kesimpulan ICT ialah teknologi yang menggunakan kedua-dua teknologi maklumat dan komunikasi seperti internet, telefon, komputer, dan lain-lain.

Umat Islam perlu mengambil kesempatan yang disediakan melalui teknologi ini untuk (Shaikh Mohd Saifuddeen 2000:42):

- 1)Menyebarkan dakwah dan memberi penerangan mengenai kebenaran dan kesucian agama Islam dengan menggunakan multimedia dan internet;
- 2)Menambahkan kefahaman mengenai dunia, budaya dan peradaban melalui peluang untuk melayar (*surfing*) laman-laman web di dalam internet;
- 3)Memahami dan menghormati nilai-nilai kemanusiaan dengan mengaplikasikan adab menggunakan internet atau *netiquette* semasa menggunakan pelbagai kemudahan

melalui internet seperti laman web, mel elektronik, perbualan geganti internet atau *internet relay chat* (IRC), rangkaian teletaip (teletype network, TELNET) dan sebagainya.

Teknologi ICT digunakan dalam kehidupan masyarakat Islam dengan berhemah. Sebagaimana pendapat Nurkumala (2009): “Teknologi sepatutnya hanyalah satu agen perubahan yang tidak dapat mengawal penentuan dan pemilihan seseorang individu untuk kegunaan teknologi dalam kehidupan seharian. Kita seharusnya tahu bagaimana untuk mengawal dan menguasai teknologi dan bukannya teknologi mengawal kehidupan kita” (Intan Norasyikin Mohd Ariffin. 16 Disember 2009).

Teknologi mempunyai kesan yang positif dan negatif. Walaupun sedemikian, terdapat sebahagian masyarakat Islam menyalahgunakan teknologi ICT untuk kepentingan peribadi dan sebagainya. Di sinilah peranan tekno daie untuk berdakwah kepada masyarakat agar kembali kepada jalan Islam.

PERANAN TEKNO DAIE DALAM BERDAKWAH DI ERA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

Setelah definisi tekno daie dan teknologi maklumat dan komunikasi diterangkan, maka peranan tekno daie dalam berdakwah akan dikupas. Tekno daie mempunyai cabaran yang amat mencabar dalam berdakwah di dunia yang moden ini yang mana maklumat dapat tersebar dalam sekelip mata sahaja. Disebabkan itu, tekno daie mempunyai peranan yang besar dalam berdakwah di era Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Peranan tekno daie secara dasarnya sama dengan peranan seorang pendakwah. Antara peranan-peranannya ialah:

1. Perlu memahami dakwah

Ini ialah peranan utama tekno daie iaitu memahami apa itu dakwah. Tanpa pemahaman yang baik, dakwah tidak dapat disampaikan dengan betul. Metodologi dalam berdakwah perlu dikenalpasti agar sasaran dakwah dapat menerimanya dengan baik.

Menurut Abd Aziz Mohd. Zin (1997), dakwah pada abad ke-21 hendaklah dilakukan dengan pendekatan yang agak berbeza dengan apa yang dilakukan sekarang, kerana abad tersebut mempunyai cirinya yang tersendiri. Namun demikian, pengalaman hari ini dan masa lepas boleh dijadikan panduan untuk masa akan datang selepas panduan utama, iaitu al-Qur'an dan hadis.

Inovasi teknologi maklumat dan gagasan gelombang globalisasi yang didominasi oleh Barat, telah banyak memberikan cabaran yang besar buat dakwah Islamiah. Maka dengan sebab itu, usaha dakwah perlu dipergiat berdasarkan kemudahan-kemudahan teknologi yang diusahakan oleh manusia. Meskipun, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi banyak didominasi oleh masyarakat Barat, namun itu tidak menghalang umat Islam daripada menggunakannya untuk kepentingan dakwah Islamiah.

Perspektif dakwah masa kini menekankan kemahiran para pendakwah melakukan perkara-perkara berikut (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2006: 95):

1. Mengukuhkan diri dengan ilmu pengetahuan masa ini, disampaing teras ilmu pengajian Islam.
2. Membuat pemerhatian tentang keadaan masyarakat sebagai sasaran dakwah.
3. Membuat kajian berdasarkan isu, persoalan atau masalah yang berlaku dalam masyarakat.
4. Meningkatkan keprihatinan terhadap perkembangan teknologi masa kini.
5. Mengukuhkan kerangka pengurusan dan pergerakan *jamaah*.
6. Meningkatkan kemahiran mengurus aktiviti dakwah melalui eksploitasi teknologi maklumat dan komunikasi.
7. Meningkatkan pengeluaran produk dakwah berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi serta media massa.

Para tekno daie juga perlu memahami bahawa metode ICT ini hanya metode tambahan bukan pengganti kepada pelbagai metode dakwah sedia ada.

2. Perlu Celik Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)

Peranan Tekno daie pada zaman sekarang ialah bukan sahaja perlu melengkapkan diri dengan dakwah tetapi juga pengetahuan tentang Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) atau celik ICT. Sebagaimana pendapat Ketua pengarah JAKIM, Othman Mustapha ketika ditemuramah oleh wartawan Utusan. Beliau berpendapat para agamawan di Malaysia perlu mempelajari ICT (Utusan Malaysia 10 Mei 2011). Ini kerana masyarakat sekarang terutamanya remaja memang menjadikan ICT sebagai salah satu cara mereka untuk berhubung dan dapat dikatakan ICT sudah menjadi sebahagian keperluan dalam hidup.

Pendapat ini juga dipersetujui oleh Khairul Azmi Mohamad (2000). Beliau mengatakan Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah memperlihatkan beberapa ruang yang dapat dimanfaatkan oleh umat Islam seluruhnya bagi memperkukuh ukhuwah.

Menurut Norkumala kegagalan para pendakwah mendekati diri dan mempelajari teknologi menyebabkan kurang keberkesanan dalam aspek penyampaian serta kefahaman dakwah, sekali gus menjadi asbab kepada ketinggalan umat Islam (Zuarida Mohyin).

Disebabkan kepentingan yang dinyatakan inilah menyebabkan para tekno daie perlu celik ICT untuk berdakwah di alam maya dan agar tidak ketinggalan zaman dan juga memudahkan untuk berdakwah kepada masyarakat dan menegur secara berhemah.

Para tekno daie juga seharusnya memiliki blog, akaun facebook, twitter, instagram, telegram dan sebagainya untuk lebih dekat dengan masyarakat. Sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh Zaharuddin Abd Rahman, pemilik akaun

facebook zaharuddin.net. *Page* ini telah mencapai *like* sebanyak 473,000. Manakala *page* Ustaz Dr Zaharuddin Abd Rahman: author, telah mencapai sebanyak 957, 582 *like*. Pengisian dalam kedua-dua *page* ini ialah respon kepada isu-isu semasa, status yang berunsurkan agama dan isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat dan agama Islam.

Melalui kedua-dua akaun ini, dakwah dapat disebarkan dengan lebih efisien kerana masyarakat sekarang terutamanya remaja lebih dekat dengan ICT sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Norton bertajuk *Norton's Online Living Report (NOLR) Malaysia*, purata orang dewasa menggunakan Internet adalah selama 48 jam sebulan berbanding remaja selama 64 jam sebulan.

Berdasarkan ini, kita dapati dakwah melalui ICT lebih praktikal pada masa sekarang.

3. Melengkapkan diri dengan ilmu Fiqh Awlawiyyat

Tekno daie mesti melengkapkan diri dengan ilmu fiqh awlawiyyat untuk memastikan kefahaman yang lebih baik. Adalah dicadangkan agar tekno daie memulakan perbincangan dengan mengemukakan tasawur Islam secara umum dahulu. Seterusnya, dalam perbincangan yang bersifat umum itulah, dikhususkan sebarang isu semasa yang timbul. Tekno daie perlu mendahulukan soal kerohanian berbanding kebendaan, kualiti berbanding kuantiti, tiga soal-soal besar semasa seperti hak asasi, demokrasi, keadilan dan seumpamanya mesti diutamakan berbanding soal-soal furu' seperti siwak, cara makan, pakaian niqab dan seumpamanya. Perkara-perkara yang disepakati perlu didahulukan berbanding dengan perkara-perkara khilaf atau diperselisihkan oleh para ulama seperti sifat dua puluh, talkin mayat dan seumpamanya (Wan Adli dan Mohamad Kamil 2006:45).

Berbeza pula dengan pendapat Mohd Rumaizuddin (2003), yang mengatakan, "Dalam konteks Malaysia, kita perlu melihat agenda yang lebih besar dan utama iaitu menguatkan ikatan ummah berdasarkan keimanan yang bersungguh-sungguh. Di samping itu, pendekatan dakwah harus bertunjangkan kebijaksanaan, kasih sayang dan toleransi. Begitu juga segala pengarahannya harus melihat realiti keadaan, masa dan tempat supaya pembinaan generasi itu benar-benar unggul dan tidak tersungkur akibat pengarahannya yang tidak bijaksana daripada pemimpin umat Islam. Jihad yang paling utama di Malaysia ketika ini adalah jihad pembangunan dakwah, ekonomi dan pendidikan".

Kata beliau lagi: "Pendakwah perlu menumpukan perhatian kepada agenda membangunkan ummah yang mempunyai kedudukan ekonomi yang stabil berasaskan keadilan sosial dan masyarakat yang mempunyai ilmu dan hikmah. Umat Islam harus sedia menghadapi masa depan dengan menumpukan agenda-agenda yang lebih besar dengan persiapan yang rapid and mantap. Pendakwah harus mengemukakan suatu gagasan dan model yang bertunjangkan *siyasah syar'iyah* dan fiqh al-awlawiyyat dalam mengemukakan perkembangan dakwah di Malaysia. Mereka perlu mengemukakan alternatif terbaik dalam pengisian dakwah.

Jadi, apabila tekno daie sudah melengkapkan diri dengan ilmu fiqh awlawiyyat, tekno daie sudah memahami isu yang mana yang seharusnya ditegur dan diutamakan terlebih dahulu.

4. Perlu mempelajari ilmu komunikasi

Para Tekno daie perlu juga mempelajari ilmu komunikasi kerana ilmu ini juga penting kepada dunia dakwah, sebagaimana pendapat Zulkiple Abd. Ghani (2001), “Profesionalisme dalam berdakwah memerlukan keupayaan dan kemahiran da’I menguasai bukan sahaja mauduk yang perlu disampaikan kepada *mad’u*, tetapi juga minhaj yang sesuai dengan perubahan zaman. Di samping mengukuhkan metode dakwah tradisional yang menjadi teras kepada perkembangan dakwah, da’I perlu tampil menguasai ilmu komunikasi, mewarnainya dengan paksi ketauhidan kepada Yang Maha Esa. Perubahan teknologi yang pantas bakal merubah cara hidup dan cara berfikir umat Islam. Justeru itu, sikap proaktif amat perlu dalam menangani isu-isu yang timbul hasil daripada revolusi teknologi komunikasi dan juga dengan kemunculan alaf baru yang ditandai dengan bentuk penjajahan baru dalam bidang ekonomi dan maklumat”.

Bagi pendapat Zulkiple Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Don (2007) untuk berkomunikasi seorang daie memerlukan informasi. Hanya dengan menguasai sebanyak mungkin informasi akan membolehkan seseorang daie memahami dan menghayati Islam, dan seterusnya membolehkan ia menyampaikan maklumat yang benar, bertindak, membuat keputusan yang tepat dan dapat mengorganisasi komuniti untuk hidup dengan lebih sempurna.

Informasi daripada perspektif Islam boleh dibahagikan mengikut kepentingannya kepada tiga peringkat (Zulkiple Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Don 2007: 169) :

1. Informasi asas (fundamental information), iaitu informasi yang diperolehi dari sumber asas, al-Qur’an dan al-Hadis. Informasi ini termasuklah segala perkara yang berhubung dengan *sam’iyyat* dan alam ghaib yang tidak emndapat tempat sewajarnya dalam masyarakat materealistik. Ia adalah asas kepada kesempurnaan hidup manusia dan informasi ini perlu dikuasai oleh setiap Muslim kerana ia asas kepada pemebntukan pola pmikiran, kepercayaan, tindakan dan perasaan seseorang.
2. Informasi saintifik, iaitu informasi yang diperolehi hasil daripada penelitian dan kajian terhadap fenomena alam dan aktiviti manusia dengan emnggubakan metodologi tertentu. Informasi ini penting dan digalakkan oleh Islam. Bagaimanapun perlu diingat bahawa ia tidak sempurna (*absolute*) kerana kadang-kadang hasil penemuan baru menafikan penemuan sebelumnya.
3. Informasi hasil daripada konteks yang berlaku (*contextual information*), iaitu informasi sekunder seperti pendapat individu atau tafsiran. Informasi sebegini telah diproses dan dipengaruhi oleh fenomena tertentu dan sering berubah

Ilmu komunikasi penting untuk dikuasai oleh para tekno daie kerana di dunia ICT sekarang pelbagai teknik komunikasi digunakan dalam berkomunikasi. Terdapat juga

slanga baru digunakan oleh remaja masa kini. Tekno daie juga perlu sedar tentang kewujudan slanga-slanga ini dan memahaminya agar mudah untuk berkomunikasi dengan golongan remaja dan mendakwah mereka.

5. Perlu mempelajari ilmu jiwa/kaunseling

Tekno daie juga perlu mempelajari ilmu jiwa atau kaunseling kerana ilmu ini juga penting dalam dakwah. Sebagaimana pendapat al-Qardawi (dalam Abd. Aziz Mohd. Zin) menjelaskan bahawa antara ilmu yang amat berguna bagi pendakwah ialah ilmu psikologi, kerana psikologi:

1. Menerangkan tanda dan hasil yang berfaedah kepada iman dan penghayatan agama seseorang .
2. Menolong memahami dalil agama dan tafsir yang sesuai dengan minda semasa.
3. Boleh menambah maklumat untuk memahami rahsia hukum syarak yang boleh membawa kepada penambahan iman.
4. Menolong pendakwah memahami jiwa golongan sasaran, penumpuan golongan sasar dan cara mempengaruhi jiwa mereka dengan lebih mudah

Seseorang tekno daie boleh menggunakan kemahiran-kemahiran seperti kemahiran melayan, mendengar dan bertindak dalam berdakwah. Kemahiran-kemahiran ini amat baik digunakan dalam berdakwah kerana itu akan membantu pendakwah membina hubungan dengan orang yang diseru dan seterusnya setelah kepercayaan terbina dalam hubungan ini dapatlah pendakwah meneroka apa yang menyebabkan seseorang bertingkah laku demikian (Hushim Salleh dan Melati Sumari 2006: 86-87).

Ilmu jiwa atau kaunseling ini penting dalam meneliti kebiasaan masyarakat dalam menggunakan ICT. Jadi pendekatan dakwah yang sesuai akan digunakan untuk sasaran dakwah apabila kebiasaan ini sudah dikenalpasti.

6. Mendidik ahli masyarakat supaya menjaga adab di alam maya

Tekno daie harus mendakwah masyarakat Islam supaya beradab di alam maya. Adab-adab perlu dijaga dalam memberikan komen, menulis di ruang status, *tagging* gambar, *share* gambar dan lain-lain sama ada di facebook, whatsapp, instagram, telegram dll. Ada juga pengguna yang nakal memberikan komen di facebook, blog dan di laman-laman web ahli ilmuwan dan agamawan sebagaimana pendapat Zaharuddin Abd. Rahman (2012) : “Kepada pembaca sekalian, elak daripada menjadi pemberi komen yang ‘nakal’ di facebook ilmuwan dan para mufti sekiranya ada. Sekiranya benar, kami tersalah atau tersilap dalam beberapa tindakan, tegur dengan berhemah, supaya kami juga boleh menerimanya dengan berhemah (datangkan ayat yang menegur dengan berhemah)”.

Ada yang memberikan komen yang sangat-sangat negatif sehinggakan mencarut dan mengeluarkan kata-kata kesat. Contohnya: Respon mengenai penganjuran program “I want touch a dog”. Ramai yang marah kepada penganjuran program ini

sehinggakan ada yang sanggup memaki dan menghina penganjur dan mereka yang menyertainya. Sememangnya mereka melakukan kesilapan tetapi tidak bermaksud dibolehkan untuk menghina, mencaci dan mengeluarkan kata-kata kesat kepada pihak tersebut. Seharusnya dalam memberikan komen, adab juga harus dijaga.

7. Mendidik masyarakat supaya dapat menapis maklumat yang diperolehi mengikut acuan Islam

Peranan tekno daie juga ialah mendidik masyarakat supaya menapis maklumat yang diperolehi mengikut acuan agama Islam. Ini kerana dalam dunia ICT, terdapat juga unsur-unsur de –Islamisasi berlaku. Sekiranya masyarakat tidak menapis maklumat yang diperolehi, maka mereka akan senang dipengaruhi. Menurut Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd Ali (2008): Aplikasi teknologi juga membawa ancaman kepada agama kerana terdapat golongan yang akan memanipulasikan untuk kepentingan peribadi. Senario ini memperlihatkan penggunaan internet memuatkan program yang bercanggah dengan Islam dan Barat yang memerlukan penilaian individu. Natijahnya, mereka lebih mengutamakan program yang berbentuk hiburan khususnya kepada golongan muda.

Melalui internet juga, wujudnya unsur-unsur negatif yang lain seperti wujudnya laman web lucah, laman facebook yang memaparkan gambar-gambar yang tidak sesuai dan sebagainya. Jadi, tekno daie harus mendidik masyarakat agar menapis laman-laman web yang tidak memberikan faedah, malahan menambahkan dosa lagi.

Begitu juga dengan rancangan televisyen, radio dan sebagainya pengguna harus bijak memilih rancangan-rancangan yang berunsurkan keagamaan, kekeluargaan, moral dan sebagainya. Bukan hanya memilih rancangan hiburan yang melalaikan semata-mata

8. Mendidik masyarakat agar menggunakan teknologi ICT mengikut acuan Islam

Tekno daie juga seharusnya mendidik masyarakat menggunakan teknologi ICT mengikut acuan Islam, bukannya menjadikan ICT sebagai tempat atau ruangan untuk mengumpat, menyebarkan fitnah, melayari laman web lucah, untuk menghentam individu tertentu dan sebagainya. Sebagai contoh penggunaan whatsapp dan facebook ialah untuk berkongsi maklumat dan menyambungkan silaturrahim bukannya tempat untuk menyebarkan gambar-gambar tidak senonoh, fitnah dan sebagainya.

Perkara ini ada disentuh oleh Zaharuddin Abd Rahman (2012) dalam bukunya *Ledakan facebook antara pahala dan dosa* iaitu perlakuan dan perbuatan melalui facebook yang boleh mengundang dosa terlalu banyak. Namun beliau menyenaraikan 6 sahaja iaitu:

- 1) Mendedah keaiban suami ataupun isteri di Facebook
- 2) Terlebih gambar
- 3) Penyamaran
- 4) Memuat turun gambar untuk simpanan dan tatapan

- 5) *Tagging* gambar tanpa izin dan gambar silam yang membuka aurat
- 6) Mengutuk diri sendiri dan kebaikan

Perkara ini bukan sahaja berlaku di dalam media massa bahkan juga di facebook dan aplikasi-aplikasi lain seperti di WhatsApp, telegram, instagram, viber, line dan sebagainya. Terdapat juga pengguna yang kongsi satu-satu maklumat tanpa menyelidiki kebenarannya seperti hadis yang tidak diketahui kesahihannya, maklumat palsu dan sebagainya.

9. Menggunakan pendekatan yang lembut, bukan kekerasan

Tekno daie juga berperanan untuk menggunakan pendekatan yang lembut, bukan kekerasan sebagaimana pendapat Mohd. Rumiazuddin (2003). “Pendekatan penggunaan kekerasan dalam konteks di Malaysia adalah suatu yang tidak relevan, malahan bertentangan dengan kehendak syariat Islam dan mengakibatkan umat Islam menghadapi risiko yang tinggi. Tekno daie perlu menyemaikan amalan syura dalam dirinya. Jangan berpendapat pandangannya yang paling betul dan tepat tanpa menghormati pandangan orang ramai. Sikap sebegini akan membawa padah pada perkembangan dakwah.

Tekno daie perlu berdakwah sebagaimana firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 125, iaitu berdakwah dengan hikmah, nasihat yang baik dan berdebat dengan baik:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِلَا تِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ
 هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

125. serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Sekiranya terdapat kesilapan yang dilakukan oleh masyarakat dalam menggunakan teknologi seperti menggunakan facebook, whatsapp, telegram untuk tujuan maksiat, fitnah dan sebagainya hendaklah ditegur dengan bijaksana atau secara hikmah bukannya menghentam dan terus menghukum dengan keras.

KESIMPULAN

Walaupun menghadapi banyak cabaran dan kesukaran untuk berdakwah di era ICT, namun tugas tekno daie tetap akan diteruskan. Ini kerana tugas berdakwah tidak akan terhenti walau rebut badai melanda. ICT bukan hanya mempunyai kesan-kesan negatif tetapi juga kesan positif. Peranan tekno daie adalah untuk berdakwah agar masyarakat menggunakan ICT di jalan kebaikan. Walaupun agak sukar untuk menasihati dan menegur ahli masyarakat, namun seorang tekno daie tidak akan mudah putus asa dan kecewa lantaran nasihat dan tegurannya tidak mendapat sambutan. Peranan tekno daie yang telah dinyatakan hanyalah sebahagiannya sahaja untuk berdakwah di era ICT ini.

RUJUKAN

- Ab Aziz Mohd Zin. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi dan Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd. Aziz Mohd Zin. 2006. Psikologi dakwah: satu pengenalan. Dlm. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek dan Othman Talib (pnyt). *Dakwah dan kaunseling di Malaysia*. Hlm.21. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Anon. 2009. Tekno daie' tangkis dakyah 'musuh. 3 November. Utusan.com.my
- Anon. 2011. JAKIM mesti luar biasa. *Utusan Malaysia*, 10 Mei 2011 (<http://utusan.com.my>)
- Hushim Hj. Salleh dan Melati Sumari. 2006. Pendekatan kaunseling dalam dakwah. Dlm. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek dan Othman Talib (pnyt). *Dakwah dan kaunseling di Malaysia*. Hlm.21. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Intan Norasyikin Mohd Ariffin. 2009. Tekno Dai'e: dakwah melalui teknologi. 16 Disember. <http://www.bernama.com>
- Khairul 'Azmi Mohamad. 2000. Pendekatan pengukuhan ukhuwah melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Dlm. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh. (pnyt). *Memahami Islam melalui teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Hlm. 137. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Mohd. Rumaizuddin Ghazali. 2003. *Panduan berdakwah kontemporari*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad kamil Hj. Ab. Majid. 2006. Memahami Islam melalui Tekno-da'i. Dlm. Nor raudah Hj. Siren, Yusmini Mohd Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi (pnyt). *Dakwah Islam semasa: konsep dan pelaksanaan*. Hlm.39-45. Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya
- Zaharuddin Abd Rahman. 2012. *Ledakan facebook antara pahala dan dosa*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd
- Zulkiple Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Don. 2007. Dakwah dalam era Teknologi Maklumat. Dlm. Abdul Ghafar Don, Berhanuddin Abdullah dan Zulkiple Abd. Ghani. *Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia: konsep dan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zulkiple Abd. Ghani. 2010. *Dakwah dalam era siber di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia
- Zuarida Mohyin. 2009. Memperkasa peranan Tekno Daie. 10 November. Utusan.com.my